

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MICHAEL TEO YU  
KENG [ MIRI ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perkembangan perbincangan mengenai usaha untuk merangka Rang Undang-Undang bagi meluaskan definisi rogol dalam Seksyen 376 Kanun Keseksaan untuk merangkumi penetrasi jari, anggota badan lain dan objek selain dari alat kelamin lelaki.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suatu kajian yang komprehensif sedang dijalankan untuk memperluas tafsiran "rogol" dalam seksyen 376 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan tafsiran "objek" dalam seksyen 377CA Kanun Keseksaan bagi merangkumi pencabulan kehormatan seseorang yang menggunakan bahagian badan atau objek selain zakar.

Sekian, terima kasih.